

## PEMIKIRAN ISLAM DALAM MENGHADAPI CABARAN ABAD KE 21M

Prof. Madya Mohamad Kamil Ab. Majid

### Abstract

*This article attempts to elaborate the misconception regarding the meaning of thought in Islam and its difference from the teaching of Islam based on wahy a revelation. This article also discusses the contemporary and future challenges facing the thought, internal as well as external, civilizational, religious, cultural, technological and economic.*

### Pendahuluan

Pada setiap zaman akan muncul tokoh-tokoh dan gerakan tajdid yang berusaha mengembalikan umat kepada kehidupan Islam yang murni. Mereka meniupkan semangat tajdid sama ada dalam aspek akidah, syariah, atau memperbetulkan akhlak dan mempersiapkan kekuatan. Ada pula usaha tajdid yang menyorot kembali tamadun dan yang lain pula mempersiapkan umat untuk berjihad dan membina kehidupan Islamiah yang syumul.

Realiti ini amat tepat dengan maksud sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang menjamin akan tetap ada golongan umat yang mempertahankan kebenaran, biar bagaimana banyaknya kebatilan dan keburukan. Allah (s.w.t.) akan sentiasa mengutus dari masa ke semasa orang-orang yang berusaha mentajdid agama, memperbetul urusan agama dan mentashih kefahaman.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Teks asal maksud hadis tersebut ialah: Sesungguhnya Allah membangkitkan bagi umat ini setiap awal seratus tahun orang yang memperbaharui urusan agamanya.

Pada abad-abad terakhir di banyak tempat munculnya para mujaddid yang menyedarkan umat ke arah kebangkitan Islam dalam bentuk baru iaitu usaha mengajak umat mengkaji kelemahan masa lampau dan mengadakan analisis dan kritikan diri serta mengenal pasti punca-punca kelemahan dan kemunduran umat di samping menggariskan pula jalan-jalan penyelesaian semasa dan hari-hari mendatang.

Dalam bidang akidah umpamanya usaha Muhammad Abdul Wahab (1115 - 1206H.) di Semenanjung Arabia, melalui pembacaan terhadap tulisan-tulisan Ibn Taimiyyah telah mengemukakan tauhid murni berasas kepada: *Tawhid al-Rububiyah*, *Tawhid al-Uluhiyyah*, *Tawhid al-Asma' wa-al-Sifat*.

Pendekatan Muhammad Abdul Wahab mengingkari berbagai jenis bid'ah yang meresapi pemikiran kaum muslimin zamannya yang sudah merosakkan akidah yang murni, yang mencabar ajaran al-Qu'ran dan al-Sunnah.<sup>2</sup>

Lebih dari itu, tokoh yang amat terpengaruh dengan Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim ini mengajak umat meninggalkan sikap fanatik mazhab dan kembali kepada ajaran asasi al-Qu'ran dan al-Sunnah. Malah lebih radikal beliau mengatakan fanatik mazhab merupakan satu daripada ciri jahiliah.

Apabila dunia Islam dijajahi oleh Barat dan dunia Islam mengalami tragedi besar dalam sejarah yang memporak perandakan kesatuan mereka, kemunculan Jamal-al-Din al-Afghani (1838 - 1897M.) yang menelanjangkan keburukan penjajah dan turut berusaha menyatukan umat merupakan satu usaha tajdid yang amat besar pengaruhnya termasuk di negara kita melalui pengaruh murid-muridnya, Muhammad Abduh (1849 - 1905M.) dan Rasyid Rida' (1865 - 1935M.).

---

<sup>2</sup>Keterangan lanjut ajaran tokoh ini sila lihat, *Fath-al-Majid Sharh Kitab al-Tawhid*, h. 177.

Beberapa tokoh selepas itu hasil pengaruh Afghani, Abdul dan Rashid Rida' lahir seperti Abdul Hamid bin Badis (1887 - 1947M.) Al-Tahir bin Asyur, al-Maraghii, Shaltut, Abu Zahrah, Syed Qutb (1906 - 1966M.) di Mesir, dan Mawdudi (1910 - 1979M.) di Pakistan. Manakala di Indonesia dan di Malaysia percikan pembaharuan ini tidak kurang juga hebatnya.

Secara ringkas, usaha Madrasah Afghani ini dalam pemikiran adalah suatu revolusi besar yang mencerminkan kehendak zaman mereka untuk mengembalikan semula dunia Islam ke ambang tamadun dan memberikan laluan kepada umat kembali menghayati al-Qur'an dan al-Sunnah. Di samping itu membebaskan diri dari gejala-gejala penjajahan ketenteraan, pemikiran, ekonomi dan tamadun dengan memelihara identiti Islam yang merdeka.

Kehadiran Iqbal dan Malik bin Nabi (1905 - 1973M.) merupakan dua lagi contoh tokoh pemikir Islam yang menyedarkan umat tentang perlunya kembali kepada tajdid tauhid dan kerohanian yang akan membangkitkan peranan agama, syariah, hikmah, malah mengembalikan kuasa dan kekuatan dan dapat merawat penyakit takut dan was-was. Malah mengembalikan umat rasa yakin kepada diri sendiri.

Malik bin Nabi secara khusus, melihat umat Islam sekarang sedang melalui period kesedaran untuk membangun tamadun sendiri yang berasas kepada agama dan kerohanian. Asas kerohanian yang dapat menggerakkan idea, kerja dan modal, mewujudkan persefahaman dan keseimbangan. Malah Malik mengajak umat mengubati tiga penyakit besar iaitu pemikiran yang jumud, jiwa yang lemah dan iman yang padam sinar sosialnya.

## **Pemikiran Islam**

Latar belakang di atas menunjukkan pemikiran merupakan asas kemajuan dan perubahan. Peranan Pemikir tidak kurang pentingnya sebagai pelaksana dan Pemikiran Islam sentiasa berkembang mengikut kekuatan dan kelemahan para pemikirnya.

Surah al-Ra'd:11 bermaksud: "Allah tidak merubah sesuatu kaum sehingga mereka merubah apa yang ada dalam diri mereka" menguatkan lagi hujah, perubahan pemikiran, kejiwaan, kerohanian adalah asas teras kemajuan sesuatu umat itu. Kemajuan dalam ertikata sebenar iaitu kemajuan insan itu sendiri.

Pemikiran Islam suatu istilah yang merujuk kepada setiap hasil pemikiran umat Islam mencakupi pengetahuan yang berhubung dengan Allah, alam dan manusia. Ia adalah ijhtihad akal manusia dalam menafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam.

Dengan itu, meskipun sesuatu pemikiran itu terbit dari orang Islam tetapi bukan bersumberkan kefahaman kepada al-Qu'ran dan al-Sunnah tidaklah boleh dianggap Pemikiran Islam. Amat tidak logik memberikan sifat Islam kepada pemikiran yang asing dari sumber-sumber Islam.<sup>3</sup>

Tetapi haruslah diperbedakan betul-betul di antara agama yang berupa wahyu Ilahi dengan pemikiran Islam. Kecelaruhan memperbedakan di antara keduanya (agama Islam dan pemikiran Islam) mengakibatkan ada golongan yang meletakkan taraf pemikiran pemikir Islam maksum kepada taraf agama,<sup>4</sup> lalu langsung tidak berani menganalisa apalagi mengkritik pendapat dan pemikiran para ulama silam.

Malah kecelaruhan ini juga bertanggungjawab mengikat pemikiran umat Islam dari bergerak ke depan dan takut berjihad menurut keperluan semasa.

Apa yang sinikalnya dalam sejarah pemikiran Islam ramai para pengkaji dan kalangan cerdik pandai yang terkeliru apabila

---

<sup>3</sup>Dr. Muhsen Abdul Hamid, *Al-Fikr al-Islami*, Baghdad, 1986, h. 7.

<sup>4</sup>*Ibid.* h. 8.

membincangkan pemikiran Islam tanpa dapat membezakannya dengan prinsip-prinsip Islam yang asas.

Jadi pemikiran Islam yang dimaksudkan dalam kertas ini adalah merupakan ijtihad, bukannya agama Islam itu sendiri. Ini kerana agama bukanlah pemikiran atau falsafah, sedang istilah pemikiran, falsafah dan tasawur merujuk kepada hasil akal manusia dalam sejarah yang panjang sama ada dalam kitaran masyarakat Islam atau bukan Islam.

Dengan lebih jelas lagi, pemikiran Islam adalah analisis isu-isu semesta dan sosial yang berasas kepada sumber Islam merangkumi aspek-aspek akidah, seperti usaha menghuraikan persoalan akidah berdasarkan rasional dengan menggunakan kaedah logika dalam menghadapi cabaran akidah dan prinsip-prinsip yang bertentangan dengan akidah Islam.

Begitu halnya dalam bidang *tasyri'*, pemikiran Islam ialah pemikiran yang mampu menghadapi peristiwa-peristiwa baru dalam kehidupan dengan mengemukakan hukum-hukum ijtihadiah dalam menyelesaikan mu'amalat secara Islam.

Oleh itu harus disedari pula, Islam memang menggalakkan kajian dan penyelidikan, menganalisa sejarah lampau dan sentiasa mengambil pengajaran dari ilmu kehidupan. Bukankah sabda Nabi yang bermaksud: "Hikmah itu barangan yang hilang bagi orang mukmin. Di mana saja ditemui ia lebih berhak mendapatkannya".

Apa yang menjadi masalah dalam pemikiran Islam ialah sebahagian pengaruh asing telah meresap masuk ke dalam masyarakat Islam dan menyebabkan terpesongnya keindahan Islam. Ia mengakibat lahirnya berbagai aliran falsafah, tariqat tasawuf, atau ajaran kebatinan yang mencemarkan akidah, syariah dan akhlak Islam.

Unsur-unsur luaran dari pengetahuan Greek, Hindu, Farsi, Yahudi, Nasrani dan lain-lain telah banyak membawa bahayanya kepada umat Islam

dan masyarakatnya. Unsur-unsur ini hampir merosakkan Islam, kalau tidak kerana Islam itu mempunyai kekuatan yang fitrah.

Justru itu, menurut kata Dr. Muhammad al-Bahi, wujudnya pemikiran Islam didorong oleh faktor-faktor kreativiti berfikir di dalam memelihara kemurnian ajaran Islam.<sup>5</sup>

Menurut beliau lagi, usaha pemikiran tidak begitu jelas pada zaman Rasulullah s.a.w. dan *Khulafa' al-Rasyidin* kerana tumpuan umat Islam pada waktu itu ialah penyebaran dakwah dan pemantapan jemaah Islam, serta usaha mengukuhkan kehidupan secara Islam berdasar kepada prinsip al-Qur'an dan al-Sunnah secara praktis.<sup>6</sup>

Pemikiran Islam menjadi suatu fenomena mendesak apabila iman kaum musliman mulai lemah terhadap Islam. Mereka telah terlalu sibuk dengan duniawi, lalu mereka terpaksa menyesuaikan di antara Islam sebagai agama dan akidah dengan realiti kehidupan yang berbagai. Ternyata ia berkembang pada suku akhir abad pertama hijriah yang membawa terbentuknya mazhab akidah, mazhab fiqh, aliran tasawuf, aliran falsafah, aliran dalam Tafsir dan meluasnya perbezaan pendapat di antara Sunni dan Syi'i.

Ini bererti, pemikiran Islam dibentuk oleh faktor peristiwa dalaman seperti isu kepimpinan (al-Imamah), juga penyerapan pemikiran asing seperti keberhalaan agama-agama lain, falsafah Greek, dan lain-lain. Tidak kurang juga disebabkan faktor perkembangan masyarakat Islam dari sebuah masyarakat yang simple kepada yang lebih kompleks, dari level tempatan ke level antarabangsa.

Sebagai satu contoh kesan dalaman yang membentuk pemikiran Islam ialah soal kuasa politik yang memecah belahkan umat, membawa

---

<sup>5</sup>Muhammad al-Bahi, *al-Fikr al-Islami fi Tatawwurih*, Kaherah, 1971, h. 12.

<sup>6</sup>*Ibid.*

permusuhan yang berpanjangan dan memberi peluang pula kepada penyerapan pengaruh asing.

### **Pemikiran Islam Masakini**

Tidak syak lagi pada setiap zaman ada permasalahan dan pandangannya sendiri. Ia lahir dari persekitaran zaman dan tempat. Ini bererti pemikiran Islam pada setiap zaman adalah usaha memahami segala perubahan dan konflik tetapi pemahaman itu harus berlaku dalam skop dasar, kaedah dan tujuan Islam.

Oleh itu tidak boleh sama sekali kaedah tertentu sahaja pada zaman tertentu dijadikan kaedah penyelesaian masalah pada zaman lain, di tempat yang lain dengan cabaran yang lain pula. Sekali lagi ditegaskan, pemikiran Islam bukanlah maksum sebagaimana wahyu yang tetap maksum itu. Dari itu ia harus berkembang dan berubah menurut perkembangan zaman sama ada dalam pendekatan akidah, fiqh, tasawuf, mahupun falsafah. Tetapi kerana kecelaruan umat Islam sendiri, mereka sentiasa terkejut apabila diajak menilai ijihad manusia lampau sama ada dalam penditilan akidah mahupun pendidikan hukum fiqh ijihadi.

Ini bukanlah bermaksud ijihad lama ditolak ke tepi, bahkan ia tetap berfaedah sebagai rujukan atau bahan perbandingan, atau sekurang-kurangnya sebagai asas yang boleh menyampaikan diri kita kepada kefahaman al-Qur'an dan al-Sunnah.

Setakat hari ini, isu paling besar mencabar kemampuan pemikiran Islam, sejauhmanakah kemampuan umat Islam mengembalikan manusia menjadi hamba kepada Allah, bukan hamba kepada manusia lain, atau ideologi, sistem, malah apa sahaja yang bersifat makhluk. Kegagalan menangani cabaran ini meninggalkan dunia dalam keresahan, kacau bilau, kezaliman, ketakutan dan persengketaan.

Dalam kalangan umat Islam sesama sendiri, sejauhmana mereka mampu mengendalikan muafakat melalui amalan syura sehingga

masyarakat Islam dapat dijadikan contoh sebuah masyarakat yang terbuka tanpa ada sifat fanatik dan taksub kepada bangsa tertentu atau kelas masyarakat tertentu, atau ideologi tertentu.

Tujuan pemikiran Islam adalah menentukan berlakunya keadilan, kebenaran, kebajikan, malah usaha menjamin pembahagian harta yang merata, bukan terlonggok kepada segolongan kecil kelas pemerintah dan pedagang sedang masyarakat awam tidak dapat menikmati kekayaan masyarakat.

Kekuatan pemikiran Islam pada hakikatnya tidak boleh dipisahkan malah ia selalu dikaitkan dengan tokoh-tokoh tertentu pada setiap zaman. Pemikiran Islam memerlukan adanya tokoh yang mampu meniupkan semula gerakan tajdid sama ada tajdid akidah mahupun syariah malahan membanteras penyelewangan akhlak.

### **Cabaran Abad Ke-21M**

Jendela abad ke-21M yang hanya beberapa tahun sahaja akan tiba, menjanjikan cabaran yang terlalu banyak. Ia mungkin berupa cabaran akidah, syariah, akhlak, malah cabaran ilmu maklumat teknologi, kekuatan, malah paling besar cabaran mengembalikan kemanusiaan manusia itu sendiri yang sebahagiannya sudah hilang, sebab manusia hari ini sudah hampir menyamai binatang.

Manusia perlu diperkenalkan semula asas kejadian mereka, proses penciptaan mereka dan siapa Pencipta ..... agar manusia tidak lupa diri. Justera lupa diri menyebabkan manusia lupa kepada Tuhan dengan ciri-ciri ketuhanan-Nya. Akhirnya manusia terpesong dan menyeleweng dalam mengendalikan hubungan sesama manusia, hilang arah dan tujuan hidup, tersilap mengendalikan alam. Maka timbullah apa yang diperingatkan Tuhan bahawa mereka ingat mereka sedang membangunkan alam muka bumi, padahal mereka sedang merosakkan alam, muka bumi dan kehidupan di alam.

Manusia terlupa tanggungjawab menghubungkan hubungan harmoni sesama insan, lalu memutuskan hubungan tadi. Akhirnya perbedaan bangsa, warna kulit, bahasa, status sosial, dan tempat tinggal yang sepatutnya menjadikan mereka saling mengenali menjadi punca permusuhan dan persengketaan.<sup>7</sup>

Saling mengenali amat penting. Kemesraan sesama insan lebih penting. Jaminan sosial masyarakat antarabangsa dan tempatan sewajarnya menjadi agenda utama sehingga dunia akan menjadi bumi makmur, aman sentosa dan diredai Tuhan.

Tetapi, seperti kata Malik Bin Nabi, jika umat Islam mahu memimpin dunia, mereka terlebih dahulu haruslah menunjuk kewibawaan mereka, kerana "air turun dari tanah tinggi menuju ke tanah rendah". Selama umat Islam masih dipandang rendah kerana politikinya tidak stabil, ekonominya pincang, masyarakatnya bermasalah, bagaimana dapat diterima lagi "air dari tanah rendah akan mengalir ke tanah tinggi".<sup>8</sup>

Dengan erti kata lain, cabaran luaran pemikiran Islam menghadapi abad ke- 21M. jauh berbeda dengan cabaran lama pada abad-abad lepas. Cabaran sekarang membina kekuatan dalaman. Ia mestilah dihadapi dengan uslub dan bahan baru, tetapi tetap bertolak dari sumber al-Qur'an dan al-Sunnah.

Apa yang penting sekarang pemikiran Islam seharusnya memberikan keterangan tentang pradigma tauhid terhadap alam, kehidupan dan manusia yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi melalui metodologi pemikiran yang ilmiah, mengemukakan hukum sebab dan musabab, dan tujuan alam dan manusia dicipta.

---

<sup>7</sup>Merryl Wyn Davies, *Saling Mengenali Membentuk Antropologi Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992 h. 12..

<sup>8</sup>Malik Bin Naib, *Dawr al-Muslim wa-Risalatuh*, Dar-alFikir, 1989, h. 38.

Justru itu sekali lagi ditekankan, pemikiran Islam pada abad ke 21M. mestilah menjadikan umat Islam sendiri faham hukum alam Ilahi dan menggunakan sebaiknya bagi membangun tamadun baru dengan mengambil faedah dari tamadun lain di bidang sains, teknologi, organisasi tanpa meninggalkan identiti diri.

Di kalangan umat, agenda penting ialah memerangi segala bentuk bid'ah, khurafat yang selama ini telah meleburkan kemampuan bergerak dan berubah dalam kehidupan muslimin.

Di pusat-pusat pengajian tinggi, syariat Islam tidaklah boleh lagi hanya mempelajari syariat secara terpisah dan berjuzuk, ia lebih dahulu mesti difahami secara fahaman *Kulli* dalam sistem umum syariah dalam sistem pemerintahan, sosiologi, ekonomi, pertahanan, kehakiman dan pendidikan. Ertinya, sistem Islam secara menyeluruh diperjelas sebagai penyelesaian praktis bagi masalah secara lebih spesifik.

Penditilan penyelesaian harus dikemukakan contohnya, bagaimana Islam dapat menghapuskan kezaliman sosial, ketidakseimbangan pembahagian kekayaan, penindasan politik, kediktatoran dan ketidaklaksananya prinsip syura.

Kesatuan umat yang menjadi agenda utama mesti mendapat perioritas kerana tamadun Islam tidak akan bangkit kecuali dalam skop kerjasama hakiki di antara berbagai pihak umat Islam sendiri, sehingga dapat memimpin umat dari segi politik, ketenteraan dan tamadun serta dapat mempertahankan kehormatan umat yang terzalim.

Gerakan pemikiran Islam menghadapi abad ke-21M mesti berusaha membentuk generasi baru yang bersatu dalam asas akidah dan pemikiran. Dengan kekuatan iman dan ilmu, ketegasan sikap dan jihad yang berterusan sahaja mereka mampu menanggapi hakikat hidup dan perubahan besar yang berlaku di dunia sekarang.

Taksub kepada puak, pemikiran bercelaru dengan khurafat, pemikiran yang jumud dan seumpamanya akan membuka jalan persengketaan dan mengharubirukan generasi baru muslim dan hanya akan melahirkan natijah berpecah belah dan kerugian semata-mata.

Kalau orang awam ada keuzuran mereka kerana jahil dan dikuasai fanatik kepuakan, ulama dan cerdik pandai tidak ada keuzuran bagi mereka kerana mereka ada kemampuan menyelidik dan mencari hakikat sebenar dari punca yang orginal.

### **Kesimpulan**

Pemikiran Islam tersusun dari tiga unsur utama iaitu:

1. Wahyu sebagai sumber yang kebenarannya adalah mutlak.
2. Kefahaman akal yang kebenarannya relatif.
3. Persekitaran tempat dan masa di mana kefahaman itu disimpulkan.

Jadi pemikiran Islam berkembang menurut persekitarannya dari zaman nabi hinggalah berkembang masakini. Pengalaman baru yang ditempuhi oleh umat Islam setiap masa melahirkan para pemikir dalam segenap bidang. Dengan ini pemikiran Islam boleh berkembang maju dan boleh membeku malah berundur ke belakang.

Ini bergantunglah kepada sejauh mana berinteraksinya wahyu dengan fikiran dan kefahaman manusia.

Reformasi pemikiran selalu wujud apabila adanya tokoh yang berusaha membawa pembaharuan. Reformasi bererti pengisihan semula. Ertinya, ia melahirkan kesimpulan-kesimpulan baru yang lebih semasa dan lebih bertenaga. Ia bukan sekali-kali meninggalkan yang lama, tetapi sekadar meninggal tafsiran lama dan kembali kepada asas.

Abad 21M. memerlukan kepada beberapa penafsiran baru dalam menyatukan umat. Khusus di Malaysia, ia mesti mengambilkira segala persekitaran mentaliti, intelektual, budaya dan keperluan.

Dalam peringkat global ia pula mesti mengambil kira dengan segala persekitaran politik, ekonomi dan sebagainya di peringkat antarabangsa. Oleh itu pemikiran Islam menjelang abad 21M. tidak seharusnya membeku menjadi barang antik yang bernilai tetapi kurang kegunaannya. Dengan kata lain, tanpa reformasi pemikiran Islam kita hanya akan menikmati keindahan Islam tetapi tidak dapat memanfaatkannya.

### **Rumusan**

1. Masyarakat Islam hendaklah didedahkan dengan penjelasan di antara agama sebagai wahyu dengan pemikiran Islam sebagai tafsiran terhadap wahyu.
2. Pemikiran Islam menghadapi abad ke-21M. harus benar-benar memahami persekitaran tempatan dan antarabangsa supaya kita tidak terjebak ke dalam silap tafsir.
3. Cabaran-cabaran abad 21M. lebih merupakan cabaran tamadun, agama, kerohanian, budaya, teknologi, ekonomi dan sebagainya. Pemikiran Islam mestilah dapat mengarah dan memandu tamadun insan yang faham akan fungsi dan tanggungjawab manusia.
4. Menolak segala hasil tamadun Barat pada masa ini suatu langkah kurang bijak, tetapi memberi nilai Islam kepada tamadun dan kemajuan lebih praktikal di samping memperbetul asas-asas terutama asas keilmuan.
5. Dalam konteks Malaysia, pemikiran Islam mesti mengambil kira segala persekitaran yang wujud dari segi sosio-politik-ekonomi-budaya dan sesuai dengan Islam sebagai suatu rahmat bagi manusia dan alam keseluruhannya.